

16/01/2003

Amerika kaji semula kedudukan Malaysia

PUTRAJAYA: Amerika Syarikat yang sebelum ini menyenaraikan Malaysia dalam kumpulan negara yang dikaitkan dengan keganasan serta mengenakan peraturan imigresen yang ketat berikutan serangan 11 September, kini sedang memikirkan semula pendiriannya itu.

Langkah itu yang turut membabitkan beberapa negara lain di rantau ini, bertujuan menjalin kerjasama lebih rapat bagi merangsang semula aktiviti ekonomi dunia yang lembap berikutan tumpuan masyarakat antarabangsa terhadap usaha memerangi keganasan.

Antara langkah awal yang sedang diambil Amerika ialah melonggarkan urusan pengeluaran visa yang sebelum ini diperketatkan atas alasan keselamatan, khususnya terhadap rakyat dari negara Islam termasuk Malaysia.

Perkara itu dinyatakan dua Ahli Kongres Amerika, Amo Houghton dan Darrell Issa, selepas perbincangan dengan Timbalan Menteri Luar, Datuk Dr Leo Michael Toyad, di Wisma Putra di sini, semalam.

Perbincangan hampir sejam itu turut disertai Duta Besar Amerika ke Malaysia, Marie T Huhtala.

Issa berkata, Washington mahu usaha bagi meneruskan pertumbuhan ekonomi, khususnya di rantau ini kembali rancak selepas tumpuan diberikan kepada kempen memerangi keganasan yang dilancarkan Amerika.

Sambil menghargai sokongan Malaysia terhadap kempen Amerika itu, Issa mengakui suasana selepas peristiwa serangan pengganas itu adalah sesuatu yang belum pernah dialami dunia dan membingungkan Washington.

"Ia sesuatu yang membingungkan kami dan apa yang kami cuba lakukan ialah untuk memikir semula pendirian kami dalam soal itu berkaitan Malaysia, Indonesia dan Singapura.

"Iaitu bagaimana kita semua boleh bekerjasama lebih rapat kerana kita perlu terus mewujudkan peluang pekerjaan untuk rakyat di negara masing-masing," katanya pada sidang akhbar selepas perbincangan itu.

Amerika sebelum ini mengambil beberapa tindakan yang tidak menyenangkan Malaysia, seperti memperketatkan urusan imigresennya, termasuk terhadap Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ketika kedua-dua pemimpin berkenaan melakukan lawatan ke negara itu.

Selain memperketatkan urusan permohonan visa rakyat Malaysia, Amerika mulai Oktober tahun lalu turut mendaftar dan mengawasi rakyat asing yang pernah melawat Malaysia dan Indonesia di setiap laluan masuk ke negara itu, kononnya kerana negara ini menjadi pangkalan pengganas.

Amerika juga mengeluarkan amaran perjalanan ke Malaysia kepada rakyatnya serta menutup kedutaannya di sini untuk beberapa hari pada September tahun lalu, kononnya kerana ancaman serangan pengganas.

Houghton yang mengetuai delegasi Amerika ke mesyuarat tahunan ke-11 Forum Parlimen Asia Pasifik (APPF) berkata, perbincangan itu banyak menyentuh soal bagaimana untuk membawa masyarakat dunia kembali berurusan seperti biasa bagi memulihkan ekonomi dunia dalam keadaan baru itu.

Sambil menyatakan perang terhadap keganasan akan mengambil masa lama, beliau berkata Amerika kini memberi tumpuan kepada usaha pemulihan ekonomi dunia, khususnya mewujudkan peluang pekerjaan di negara masing-masing.

"Kita berbincang bagaimana kita boleh kembali kepada urusan meneruskan pertumbuhan ekonomi dalam era baru yang memerlukan peningkatan usaha memerangi keganasan," katanya.

Sementara itu Michael Toyad berkata, perbincangan itu menyentuh soal hubungan dua hala di antara Malaysia dan Amerika serta usaha meningkatkan persefahaman di antara kedua-dua negara.

"Ia lebih kepada isu umum termasuk kekhuatiran kita mengenai keganasan... kita tentunya berminat mendengar bagaimana mereka melihat perkara itu dan bagaimana mereka menanganinya," katanya.